



**UCAPAN PERASMIAN  
YANG BERBAHAGIA DATO' A. AZIZ BIN A. RAHIM  
(PENGERUSI EAIC)**

**MAJLIS PELANCARAN  
KEMPEN LAPORKAN! SALAH LAKU PENGUAT KUASA**

**18 APRIL 2018  
TERMINAL BERSEPADU SELATAN**

---

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WARRAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM  
SEJAHTERA.

YANG DIHORMATI SAUDARI PENGERUSI MAJLIS,

YANG DIHORMATI AHLI-AHLI PESURUHJAYA EAIC,

YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATUK SERI LEE LAM THYE, AHLI  
MAJLIS EKSEKUTIF (EXCO) YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH  
MALAYSIA

YANG BERBAHAGIA ENCIK ROSLAN DATO' SHARIFF PENGARAH  
URUSAN TMAS

**YANG BERBAHAGIA DATO' ABU HASSAN HAJI AWANG PENGARAH  
URUSAN COSMIC EXPRESS**

**YANG DIALU-ALUKAN TETAMU-TETAMU JEMPUTAN YANG  
MEWAKILI**

- i. AGENSI-AGENSI PENGUATKUASAAN;
- ii. AGENSI-AGENSI KERAJAAN DAN BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN (NGOs) / ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL;
- iii. PEGAWAI-PEGAWAI PENGURUSAN DAN PELAJAR-PELAJAR IPTA DAN IPTS;
- iv. RAKAN-RAKAN MEDIA DAN BLOGGERS; DAN
- v. WAKIL-WAKIL KOMUNITI SEKITAR BANDAR TUN RAZAK, PENGUNJUNG TBS

**SERTA WARGA KERJA EAIC, SELAKU URUSETIA MAJLIS PADA HARI INI.**

- 1. Syukur ke hadrat Ilahi, dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Kempen Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa. Bagi pihak EAIC, saya dengan berbesar hati merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kehadiran YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan ke majlis kami pada hari ini.
- 2. Para hadirin sekalian,

Sedikit latar belakang mengenai kempen ini untuk makluman kita bersama. Kempen ini dirancang bertitik tolak daripada Kajian Impak dan Keberkesanan EAIC yang telah dijalankan oleh pihak Suruhanjaya pada tahun lalu (2017) dengan kerjasama Universiti Tun Hussein On Malaysia di mana pihak Suruhanjaya telah membuat penilaian mengenai tahap kefahaman orang ramai

mengenai EAIC sejak ditubuhkan pada 1 April 2011. Kajian tersebut mendapati;

- (i) Orang awam masih tidak mengetahui mengenai EAIC; dan
- (ii) Dapatan mendapati kefahaman mereka mengenai EAIC masih lagi rendah.

Daripada dapatan kajian ini, EAIC mendapati tahap kefahaman dan kesedaran orang awam mengenai EAIC perlu ditambahbaik agar khidmat / peranan kami boleh dimanfaatkan sebaiknya oleh masyarakat. Ini juga selaras dengan hasrat Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK) 11 iaitu memperkuatkukuhkan EAIC sebagai salah satu badan pengawasan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa / agensi penguatkuasaan. Oleh yang demikian, kempen ini adalah bermatlamat memupuk kesedaran dan kebertanggungjawaban di kalangan orang awam untuk melaporkan salah laku penguat kuasa kepada EAIC dan menyebarluas usaha EAIC sebagai salah satu badan pengawasan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan / pegawai penguat kuasa

3. Menyentuh tentang usaha dan peranan EAIC sebagai badan pengawasan integriti, iaitu sebagaimana yang termaktub di bawah subseksyen 4 (1) (e) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], suka saya kongsikan bahawa pihak Suruhanjaya telah melaksanakan pelbagai aktiviti turun padang selaras dengan agenda merakyatkan perkhidmatan. EAIC sentiasa komited mengadakan program-program pendekatan

golongan sasaran seperti EAIC & Anda, EAIC & Siswa, EAIC & Parlimen dan yang terkini adalah Jejak Mesra EAIC.

Selain itu bagi membolehkan isu-isu berkaitan integriti dan salah laku dibincangkan secara terus dengan pegawai-pegawai penguat kuasa di peringkat negeri yang menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan di lapangan, EAIC sentiasa konsisten mengadakan dialog dan perbincangan dengan agensi penguatkuasaan di peringkat negeri dan daerah.

Terbaru, Suruhanjaya telahpun bersetuju secara dasar untuk menubuhkan Jawatankuasa Tetap yang dipengerusikan oleh EAIC dan dianggotai oleh semua Pengarah/Ketua Unit Integriti dari Jabatan dan Unit-Unit Integriti agensi-agensi penguatkuasaan. Melalui jawatankuasa ini perbincangan secara berkala dapat dijalankan bersama agensi-agensi penguatkuasaan mengenai pengurusan integriti dan tadbir urus di peringkat jabatan dan agensi penguatkuasaan masing-masing. Kerjasama menerusi penubuhan Jawatankuasa Tetap ini membolehkan perbincangan secara berkala dibuat ke atas keberkesanan aktiviti-aktiviti penerapan integriti di peringkat agensi. Dasar ini akan dibawa kepada pihak Kerajaan untuk pertimbangan.

4. Para hadirin sekalian,

Kempen LAPORKAN! SALAH LAKU PENGUAT KUASA ini adalah satu lagi strategi EAIC ke arah menjenamakan kewujudan Suruhanjaya di mata rakyat. Melalui kempen ini EAIC ingin rakyat tahu dan mengenali fungsi kami dengan lebih jelas. Kempen ini

juga menuntut rakyat untuk menjadi mata dan telinga EAIC dengan objektifnya yang utama iaitu memupuk kesedaran dan kebertanggungjawaban di kalangan orang awam untuk melaporkan salah laku penguat kuasa kepada EAIC.

5. Sehubungan itu para hadirin sekalian, pelancaran kempen pada hari ini juga adalah sebagai pembuka bicara bagi kami di EAIC dalam menjayakan kerjasama strategik yang telah dirancang. Antara kerjasama yang berpotensi untuk dimanfaatkan adalah:

- a) **Kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan seliaan EAIC / agensi-agensi Kerajaan dan NGO**  
EAIC berhasrat untuk mewujudkan banner pautan Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa yang menghubungkan akses kepada portal e-aduan EAIC ke setiap laman web agensi.
- b) **Kerjasama dengan IPTA/IPTS dan Blogger**  
Untuk penghasilan klip video ringkas bagi menjelaskan dengan lebih mudah peranan EAIC serta mesej-mesej kepada masyarakat yang berteraskan integriti. Klip-klip video ini seterusnya akan dikongsikan melalui medium mesra-masyarakat iaitu di media sosial seperti Whatsapp, Telegram, Facebook, Twitter, Instagram dan Youtube.
- c) **Kerjasama promosi dengan institusi-Institusi yang boleh menghubungkan EAIC dengan orang awam**

- i. Menerusi paparan info-info mengenai kempen ini di semua pusat hub pengangkutan (contoh kaunter informasi / kaunter khidmat pelanggan di UTC, RTC, TBS, KL Sentral, RAPID KL, KTMB, ERL); dan
- ii. Dengan penampalan pelekat / sticker Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa yang memaparkan talian aduan EAIC di pengangkutan awam sedia ada seperti bas, teksi, komuter, tren.

**d) Kerjasama dengan Kerajaan Negeri**

Di mana EAIC menjalankan roadshow berkala ke setiap negeri untuk menerangkan fungsi dan peranan EAIC di samping mewujudkan mekanisme pengesanan salah laku pegawai dan agensi penguatkuasaan dengan usahasama pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri dengan menghimpunkan pegawai penguat kuasa / penjawat awam / wakil-wakil Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan masyarakat.

6. Hadirin sekalian,

*No man is an island.* Oleh itu dalam menjayakan pengisian yang dirancang, EAIC percaya bahawa kerjasama strategik sebegini dapat menyebarluaskan peranan EAIC di kalangan orang awam. Melalui kempen ini, EAIC berharap akan terus mendapat keyakinan dan kepercayaan di mata dan hati rakyat melalui peranan dan fungsi EAIC yang boleh dimanfaatkan masyarakat juga.

7. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak khasnya

media yang telah memberikan sokongan dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi dalam memberikan liputan terhadap setiap aktiviti dan siasatan yang dijalankan oleh EAIC.

8. Sekalung budi kepada Biro Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri sebagai penaja lokasi majlis, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam penyediaan logistik, Maju TMas sebagai pengurus lokasi dan fasiliti di TBS dan Cosmic Express atas dalam menyediakan pengangkutan sebagai salah satu medium promosi dan publisiti Kempen Laporkan! Salah Laku Penguin Kuasa.
9. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada DBKL, JPJ, PDRM, PTPTN dan JOBS Malaysia dan SPR yang mengambil bahagian dalam pameran pada kali ini.
10. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Kempen Laporkan! Salah Laku Penguin Kuasa.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum waramatulahhi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.